Foto 8.2 Pn. Rosnah Mustafa, Pegawai Penyelidik Nuklear Malaysia Pemenang Anugerah Women Inventors of the Year Award

Photo 8.2 Pn. Rosnah Mustafa, Nuclear Malaysia Research Officer, Winner of Women Inventors of the Year Award



## 8.2 OUTPUT PENYELIDIKAN

Sejumlah 48 output penyelidikan yang merangkumi penghasilan produk, proses baru, prosedur baru, pangkalan data dan perisian telah berjaya dihasilkan sepanjang tahun 2013. Jumlah keseluruhan output ditunjukkan di dalam Jadual 8.1, manakala butiran terperinci output ditunjukkan di dalam Jadual 8.2 hingga 8.6.

## 8.2 RESEARCH OUTPUTS

A total of 48 research outputs which included new processes and products, as well as database and software have been produced throughout the year. The total output is shown in Table 8.1, while the output details are shown in Tables 8.2 until 8.6

Jadual 8.1 Jumlah dan Jenis Output Penyelidikan  
Table 8.1 Number and type of research outputs

Jenis output	Type of Output	Bilangan / Number
Produk	Product	21
Proses	Process	8
Perisian	Software	3
Prosedur	Procedure	11
Pangkalan Data	Database	5
Jumlah	Total	48



Foto 8.3 Penyelidik sedang menerangkan kepada pengunjung mengenai hasil penyelidikan yang dijalankan sempena pameran WIF KL 2013  
 Photo 8.3 A researcher is explaining to visitors on research finding during WIF KL 2013

Jadual 8.2 Senarai produk  
 Table 8.2 List of products

Bil / No	Produk / Product
1.	Pengesan gas hidrogen Hydrogen gas sensor
2.	Ujian kawalan kualiti aluminium anode (AlZnMgZn) Aluminium anode - quality control experiment (AlZnMgSn alloy anode)
3.	Pengubah / penstabil karat berasaskan tannin Tannin based rust converter
4.	Komposit Al / B <sub>4</sub> C kekuatan tinggi & konkrit Al / B <sub>4</sub> C untuk perisai neutron High strength Al / B <sub>4</sub> C composite & Al / B <sub>4</sub> C concrete for neutron shielding
5.	Acuan blok konkrit terkunci Interlocked concrete moulds
6.	Lukisan kejuruteraan untuk membina acuan konkrit terkunci Drawings for fabrication of interlocked moulds
7.	Blok-blok konkrit terkunci untuk perisai sinaran Interlocked concrete blocks for radiation shielding

8.	Sistem termografi arus pusar Eddy current thermography system
9.	Ultraclaws Ultraclaws
10.	Sistem denyut arus pusar Pulsed Eddy current system
11.	NucleonicEye :Tolok sinaran gama mudahalih untuk memantau paras dan kandungan di dalam alat pemadam api dan tangki gas cecair NucleonicEye: Portable / mobile gamma-ray gauge to “see” level and its content inside fire extinguisher vessel and liquefied gas tanks
12.	GammaScorpion (Generasi ke-2) – Sistem mudah alih tomografi radiasi gama untuk pengesanan awal pangkal batang yang reput dalam ladang kelapa sawit GammaScorpion (2 <sup>nd</sup> Generation) - Mobile gamma-ray tomography system for early detection of basal stem rot in oil palm plantations
13.	GammaSpider (Generasi 1) – Sistem pengapit mudahalih untuk pengimejan paip dan batang pokok GammaSpider (1 <sup>st</sup> Generation) – Portable clamp-on system for pipes and tree trunks imaging
14.	Radioaktif pengesanan nanopartikel emas untuk mengkaji sistem pelbagai fasa dalam industri pemprosesan Radioactive gold nanoparticle tracer for investigating multiphase system in process industries
15.	Pelantar ujian suhu tinggi tekanan tinggi (HTHP) untuk industri pemprosesan dan aplikasi penyurih radioaktif High temperature high pressure (HTHP) test rig for industrial process and radiotracer applications
16.	Partikel radioaktif untuk mengesan tingkahlaku hidrodinamik di dalam reaktor kimia pelbagai fasa Radioactive particles for tracking hydrodynamic behaviour in multiphase chemical reactors
17.	Penjerap gentian semulajadi Natural fiber adsorbent
18.	Polimer gentian nano Polymer nano fibers
19.	Kapsulsinaran HDPE ultra-tulen Ultra-Pure HDPE Radiation Capsules
20.	Biobaja Bioliquidfert Bioliquidfert biofertilizer
21.	Benih cecair cendawan Mushroom liquid seed

Jadual 8.3 Senarai proses baru  
Table 8.3 List of new processes

Bil / No	Proses baru / New process
1.	Proses menghasilkan komposit Al / B <sub>4</sub> C dan konkrit Al / B <sub>4</sub> C Production of composite Al / B <sub>4</sub> C and Concrete Al / B <sub>4</sub> C
2.	Rekabentuk bancuhan blok konkrit terkunci untuk perisai sinaran (ketumpatan normal) Mix design for interlocked concrete blocks for radiation shielding (normal density)
3.	Penyurih radioaktif emas nanopartikel bersalutkan silika Preparation of radioactive silica coated gold nanoparticle tracer
4.	Penyediaan dan kuantifikasi partikel radioaktif bagi mengesan tingkah laku hidrodinamik di dalam reaktor pelbagai fasa Preparation and quantification of radioactive particles for tracking hydrodynamic behaviour in multiphase reactors
5.	Rawatan bio ke atas efluen tekstil dan makanan menggunakan penyinaran alur elektron Simultaneously bio treatment of textiles and food effluent with the aid of e-beam radiation
6.	Proses penghasilan endopolisakarida The process of producing endopolysaccharide
7.	BIO-TIS (Mass propagasi planlet kultur tisu) BIO-TIS (Mass propagation of tissue culture plantlets)
8.	Vitrifikasi resin terpakai radioaktif menggunakan ketuhar bersuhu tinggi Vitrification of radioactive spent resins using high temperature furnace

Jadual 8.4 Senarai prosedur  
Table 8.4 List of procedures

Bil / No	Prosedur / Procedure
1.	Kaedah pengesanan lokasi retakan berketepatan tinggi menggunakan teknik <i>Acoustic Emission</i> yang dinamakan " <i>Wavelet Transform and Modal Location analysis (WTML)</i> " High Accuracy fractured detection method by using Acoustic Emission technique named Wavelet Transform and Modal Location analysis (WTML)
2.	Kefungsian permukaan secara elektrokimia pada nanowayar di atas mikrochip dengan menggunakan sel elektrokimia mini Electrochemical surface functionalisation of nanowires on microfabricated chips using mini electrochemical cell
3.	Sintesis elektrokimia untuk nanostruktur termoelektrik binari dan ternari Electrochemical synthesis of binary and ternary thermoelectric nanostructures

4.	Lengkung tentukan bagi penilaian ketumpatan konkrit normal Calibration curve for density assessment of normal concrete
5.	Perkiraan perisai bagi bilik dedahan dengan rekabentuk labirin Shielding calculation for labyrinth exposure room design
6.	Pendekatan baru untuk penggredan tandan segar buah kelapa sawit menggunakan teknik Neutron dan Transmisi Dwi Tenaga Gama ( NEUDAG ) A new approach for oil palm fresh fruit bunch grading using Neutron and Dual Energy Gamma Transmission techniques (NEUDAG)
7.	Kaedah baru penilaian tanpa musnah bagi emas menggunakan transmisi sinaran-gama di pingiran penyerapan-K A new method for non-destructive evaluation of gold using gamma-ray transmission at K-absorption edge
8.	Kaedah mudah untuk menyediakan partikel radioaktif A simple method for preparing radioactive particles
9.	Teknik radioaktif pengesanan zarah dalam buburan turus gelembung Radioactive particle tracking techniques in slurry bubble column
10.	Kaedah penghasilan derivatif kanji sago karboksimetil pada skala 30 liter The method of producing carboxymetyl sago starch derivative at 30 liter scale
11.	Kaedah penghasilan herbarium / spesimen tumbuhan Methods of making herbarium/plant specimens

Jadual 8.5 Senarai perisian  
Table 8.5 List of softwares

Bil / No	Perisian / Software
1.	Program Labview untuk penjajaran nano wayar, pengukuran rintangan dan penilaian penderia gas secara berturutan. Labview programs for sequential nanowires alignment, resistance measurement and gas sensing evaluation
2.	Perisian bagi pengiraan panjang diagnosis filem bagi radiografi industri Diagnostic film length for industrial radiograph
3.	Penyediaan dan kuantifikasi partikel radioaktif bagi mengesan tingkahlaku hidrodinamik di dalam reaktor pelbagai fasa A dedicated program for data analysis of radioactive particle tracking techniques of multiphase reactors

Jadual 8.6 Senarai pangkalan data


Table 8.6 List of databases

Bil / No	Pangkalan data / Database
1.	Data halaju gelombang longitud, kilasan dan Rayleigh dalam simen mortar, konkrit, batu sungai, granit, batu kapur, kayu gaharu, kayu getah, cengal, rambai, tembusu Longitudinal, shear and Rayleigh wave velocities in mortar, concrete, river stone, granite, lime stone, gaharu wood, rubber tree, cengal, rambai, tembusu
2.	Data PGNAA untuk pelbagai sampel granit dan dolerite PGNAA data for various granite and dolerite samples
3.	Ujian radiosensitiviti ke atas kultur pucuk <i>in vitro</i> <i>Stevia rebaudiana</i> Bertoni Radiosensitivity test on <i>Stevia rebaudiana</i> Bertoni in vitro shoot tip cultures
4.	Pangkalan data sisa radioaktif RWMR RWMR Radioactive waste database
5.	Pangkalan data sisa radioaktif NEWMDB NEWMDB Radioactive waste database

### 8.2.1 Hasil P & P berpotensi dikomersil

#### a) Pengesan gas hidrogen

Ini adalah pengesan gas keadaan pepejal yang direka daripada nanostruktur di atas pelantar multichannel (Foto 8.4.a). Setiap saluran adalah pengesan individu yang terbentuk daripada nanotub karbon tunggal berdinding (SWNT) yang difungsikan dengan palladium (Pd) (Foto 8.4.b). Pengesan gas ini membolehkan pemantauan gas hidrogen dijalankan dengan kepekatan yang rendah dan kepekaan yang tinggi.




(a)

### 8.2.1 R & D Findings with Commercial Potential

#### a) Hydrogen Gas Sensor

This is a solid-state sensor fabricated from nanostructures on a multichannel platform (Photo 8.4.a). Each channel is an individually addressable sensor formed from aligned palladium functionalized single-walled carbon nanotubes (SWNT) (Photo 8.4.b). This gas sensor enables monitoring of mobile hydrogen gas in low concentrations at high sensitivities.



(b)

Foto 8.4 (a) Cip pengesan gas hidrogen multichannel dan (b) imej imbasan elektron menunjukkan rantaian nanozarah Pd yang difungsikan pada permukaan SWCNT, merentasi sepasang elektrod emas.  
Photo 8.4 (a) Multichannel hydrogen gas sensor chip and (b) scanning electron image showing chains of Pd nanoparticles surface-functionalized on a SWCNT, across a pair of gold electrode.

### b) Anod korbanan berasaskan aloi aluminium untuk perlindungan katod

Aloi aluminium dengan sedikit kandungan unsur pengaloian direka untuk memastikan ia kekal aktif sebagai anod korbanan semasa proses perlindungan katod. Anod beraloi ini sesuai untuk perlindungan pada saluran paip, tangki-tangki minyak mentah, kondenser, kotak-kotak air, penukar haba, badan-badan kapal, dandang dan struktur-struktur laut daripada kesan kakisan di laut, lumpur masin dan persekitaran air tawar. Anod beraloi ini disambungkan kepada sistem perlindungan katod.

### b) Aluminum alloy sacrificial anode cathodic protection

Aluminum alloy was designed as an effective with small amount of alloying element content to ensure that it's remain active during protection. The alloy anode is suitable for the protection of pipeline, crude oil tanks, condensers, water boxes, heat exchangers, ship hulls, boilers and marine structures from corrosion in marine, saline mud and fresh water environment. It is connected to the cathodic protection system.



Foto 8.5 Loji perintis Technofund (TF0206D115) penghasilan generasi baru aloi berasaskan aluminium untuk perlindungan katod

Photo 8.5 Technofund (TF0206D115) pilot plant to produce new generation of aluminium-based alloy for cathodic protection

### c) Pengubah / penstabil karat

Pengubah / penstabil karat menukarkan karat ke dalam lapisan perlindungan tahan karat yang baru. Penyediaan permukaan bagi penukar karat ini agak minimum dan mudah untuk dikendalikan. Tambahan pula penukar karat ini adalah sebatian berasaskan air, tidak mudah terbakar dan bertindak sebagai perlindungan terhadap proses pengaratan. Ia boleh diaplikasi pada struktur berkeluli, logam bangunan, badan kenderaan, logam bersaliran dan paip salir, bingkai tingkap logam, jentera, pintu-pintu besi tempaan, tangki dan peralatan ladang dan kerja-kerja RC ke atas mana-mana besi berkarat atau objek keluli.

### c) Rust Converter

Rust Converter converts rust into a new protective corrosion resistant layer. It shows minimum surface preparation and easy to handle. Furthermore this rust converter is a water based compound, non-flammable and acts as protection against future corrosion. It finds many applications in structural steel, metal buildings, vehicle bodies, metal guttering and drain pipes, metal window frames, machinery, wrought iron gates, tanks and farm equipment and RC works on any rusty iron or steel object.



(a)



(b)

Foto 8.6 Kolaborasi bersama Alphaprima Engineering Sdn Bhd

Photo 8.6 Collaboration Alphaprima Engineering Sdn Bhd

#### d) NucleonicEye

Tolok mudah alih untuk mengkaji paras dan kepadatan alat pemadam api dan tangki gas cecair, yang dipanggil "NucleonicEye", telah dibangunkan menggunakan sumber sinar gama bertenaga rendah dari Barium-133. NucleonicEye melibatkan kajian bahan proses dengan menggerakkan sumber sinar gama yang kecil pada masa yang sama dengan pengesan radiasi di sepanjang bahagian luar alat pemadam api atau tangki gas termampat. Paras pepejal atau cecair dan kepekatan ketumpatan di dalam tong bertekanan ditentukan daripada lokasi yang ditemui atau pengimbasan berterusan dan penentuan yang sepatutnya.

#### d) NucleonicEye

A portable/mobile level and density gauge for fire extinguishers and liquefied gas tanks, called "NucleonicEye", has been developed indigenously using low energy gamma-ray source from Barium-133. NucleonicEye involves studying the process material by moving a small gamma-ray source simultaneously with a radiation detector along the exterior of the fire extinguisher or pressurized gas tanks. The solid or liquid level and its density concentration inside the pressurized vessel are determined by spot or continuous scanning and a proper calibration respectively.

Foto 8.6 NucleonicEye mudah alih untuk penilaian rawak dan (b) NucleonicEye mudah alih untuk pengukuran di dalam makmal.  
Photo 8.6 Portable NucleonicEye for random evaluation and (b) Mobile NucleonicEye for in lab measurements.



(a)



(b)



Foto 8.7 NucleonicEye mudah alih untuk peranti aras dan ketumpatan bagi alat pemadam api dan tangki gas termampat.

Photo 8.7 Portable NucleonicEye for level and density gauge for fire extinguishers and liquefied gas tanks

#### e) Penjerap Gentian Semulajadi

Penjerap gentian semulajadi (Foto 8.8a) telah dibangunkan dari gentian kenaf melalui proses pempolimeran cangkukan secara sinaran. Penjerap gentian semulajadi boleh digunakan sebagai bahan penjerap untuk menyerap dan mengumpul pelbagai jenis ion logam daripada larutan (Foto 8.8b).

#### e) Natural Fiber Adsorbent

Natural fiber adsorbent (Photo 8.8a) was developed from kenaf by radiation-induced grafting polymerization. Natural fiber adsorbent has a great potential to be used as an adsorbent for recovering and collecting various types of metal ions from an aqueous media (Photo 8.8b).



(a)



(b)

Foto 8.8 (a)Penjerap gentian semulajadi dan (b)Penyerapan kuprum, emas, argenterum dan kobalt.


Photo 8.8 (a)Natural fiber adsorbent and (b)Adsorption of copper, gold, argenterum and cobalt.

**f) Polimer Gentian Nano**

Polimer gentian-nano (PGN) berasaskan getah asli telah dibangunkan menggunakan teknik 'electrospinning'. PGN berpotensi digunakan sebagai media penapisan, plastik diperkuat gentian, aplikasi biomedik (kejuruteraan tisu skafold, pembalut luka, sistem penghantar ubat), pakaian perlindungan dan juga sebagai pengesan.



(a)



(b)


Foto 8.9 (a) Alat 'electrospinning' dan (b) Polimer gentian-nano (PGN) berasaskan getah asli  
Photo 8.9 (a) Electrospinning device and (b) Polymer nanofibers based on natural rubber

**f) Polymer Nanofibers**

Polymer nanofibers based on natural rubber were developed using electrospinning technique. Polymer nanofibers are of interest for such application as filter media, fiber reinforced plastic, biomedical application (tissue engineering scaffold, wound dressing, drug delivery system), protective clothing and as a sensor.

**g) Kapsul Sinaran HDPE Ultra-Tulen**


Kapsul sinaran berasaskan ultra-tulen polietilena berketumpatan tinggi (HDPE) telah dibangunkan. Kapsul sinaran ultra-tulen HDPE boleh digunakan sebagai bahan rintangan sinaran di dalam Reaktor Penyelidikan TRIGA Mark II



(a)

**g) Ultra-Pure HDPE Radiation Capsules**

The radiation capsules were developed from an ultra-pure high density polyethylene (HDPE). The ultra-pure high density polyethylene (HDPE) radiation capsules are used for radiation resistant material in the TRIGA Mark II Research Reactor.



(b)

Foto 8.10 (a) Penghasilan kapsul sinaran HDPE berketulenan tinggi untuk reaktor penyelidikan TRIGA Mark II menunjukkan :  
(A) tiub rak berputar  
(B) tiub sistem pneumatik

Photo 8.10 (a) In-house reproduction of ultra-pure HDPE radiation capsules for the TRIGA MARK II Research Reactor where :  
(A) rotary rack tube  
(B) pneumatic system tube.

Foto 8.10 (b) Lakaran skematik reaktor penyelidikan TRIGA Mark II Nuklear Malaysia dengan :  
(A) teras reaktor  
(B) rak berputar

Photo 8.10 (b) Schematic diagram of Nuclear Malaysia's TRIGA Mark II research reactor with  
(A) reactor core (B) rotary rack

### h) Rawatan biologi serentak ke atas efluen tekstil dan makanan menggunakan penyinaran alur elektron

### h) Simultaneously biology treatment of textiles and food effluent with the aid of e-beam radiation

Teknologi sinaran alur elektron (EB) untuk proses rawatan efluen tekstil dan makanan telah dibangunkan. Sinaran EB mempunyai potensi untuk digunakan dalam meleraikan bahan pencemar yang hadir di dalam sisa air.

Electron beam technology for textiles and foods effluents treatment was developed. Electron beam radiation has a potential to be used in decomposition of polluted materials which presence in the waste water.




Foto 8.11 Lakaran skematik proses rawatan ke atas efluen tekstil dan makanan menggunakan pemprosesan alur elektron dan rawatan biologi

Photo 18.11 Schematic diagram of the treatment process of textiles and food effluents by electron beam processing and biology treatment



Foto 8.12 Rawatan sampel efluen tekstil dan makanan menggunakan teknik sinaran EB dan biologi

Photo 18.12 Treatment of textile and food effluents samples using EB radiation and biology techniques

**i) Pengeluaran larutan dan kapsul I-131**

Radioaktif Iodin I-131 ( $T_{1/2}$  8.06 hari) terapi adalah satu rawatan untuk kelenjar tiroid dan kanser. Dalam kes tiroid yang terlebih aktif, dos iodine radioaktif memusnahkan sebahagian kelenjar tiroid supaya bahagian baki fungsi tiroid pada tahap yang normal. Satu dos besar iodine radioaktif juga boleh ditetapkan untuk memusnahkan sepenuhnya sel-sel kanser dalam tiroid. I-131 biasanya dibekalkan dalam kapsul atau cecair atau aktiviti khusus direka untuk ditelan oleh pesakit.

**i) Production of I-131 solution and capsules**

Radioactive Iodine I-131 ( $T_{1/2}$  8.06 days) therapy is a treatment for overactive and cancerous thyroid glands. In the case of an overactive thyroid, the radioactive iodine dose destroys part of the thyroid gland so that the remaining part of the thyroid functions at a normal level. A large dose of radioactive iodine can also be prescribed to completely ablate (destroy) cancerous cells in the thyroid. I-131 is usually supplied in capsules or liquid of a specific activity designed to be swallowed by patients.



Foto 8.13 Kebuk radioaktif I131  
Photo 8.13 I-131 Hot cell

**j) Kompaun antidiabetik Muntingia calabura**

Salah satu penyelidikan berterusan yang dijalankan di Nuklear Malaysia ialah mengkaji dakwaan yang dibuat terhadap khasiat tumbuhan perubatan. Pokok ceri kampung / ceri melayu (*M. Calabura*) dipercayai mempunyai kesan anti-diabetik dan kajian yang dijalankan boleh menghasilkan agen anti-diabetik baru. Pengesahan aktiviti dilakukan dengan menilai potensi tumbuhan ini untuk merangsang rembesan insulin dari  $\beta$ -sel pankreas, meningkatkan pengambilan glukosa dalam sel sasaran insulin, meningkatkan rembesan *adiponectin* daripada tisu adipos dan menghalang penyerapan glukosa dari usus kecil.

**j) Anti-diabetic compound of Muntingia calabura**

Evidence-based research to substantiate the claims of traditional medicine is one of the on-going activities conducted at Nuklear Malaysia. For instance investigation into the properties of the herbal plant Ceri Kampung/Ceri Melayu (*M. calabura*) may yield a new anti-diabetic agent. *M. calabura* was traditionally believed to have antidiabetic activity. Authentication of its activity was done by evaluating the potential of this plant to stimulate insulin secretion from pancreatic  $\beta$ -cells, enhance glucose uptake into insulin-targeted cells, augment adiponectin secretion from adipose tissue and inhibit glucose absorption from small intestine.



Foto 8.14 Buah ceri kampung atau ceri melayu (*M. calabura*)

Photo 8.14 *M. calabura* or locally known as ceri kampung or ceri melayu

**k) Pembangunan lengkung penentuan menggunakan asai Premature Chromosome Condensation (PCC) dan Micronuclei (MN) bagi penduduk Malaysia**

Biodosimetri berdasarkan analisis kromosom disentrik telah digunakan sejak lebih dari 40 tahun dan merupakan ujian biasa untuk menilai dos terdedah dalam program perlindungan sinaran. Micronuclei adalah badan extranuklear yang terhasil dari pecahan kromosom atau kromosom yang melewati anafasa akibat pendedahan kepada sinaran mengion. Oleh itu, asai berasaskan MN-boleh memberikan bacaan titik akhir yang pantas untuk menentukan dosimetri biologi berikutan pendedahan kepada sinaran. Penilaian dos terserap daripada pekerja sinaran di Malaysia telah dijalankan dengan menggunakan teknik ini untuk meningkatkan perkhidmatan dosimetri biologi di Malaysia.

**k) Development of a Calibration Curve using Premature Chromosome Condensation (PCC) and Micronuclei (MN) Assays for Malaysia populations**

Biological dosimetry, based on the analysis of dicentric chromosomes, has been used more than 40 years and has become the standard test for dose assessment in the framework of radiological protection programmes. Micronuclei are small extranuclear bodies resulting from chromosome breaks or whole chromosomes lagging behind during anaphase which can arise due to exposure to ionizing radiation. An MN-based assay can provide a rapid end point for biological dosimetry following such an exposure. An assessment of the absorbed radiation dose of radiation workers in Malaysia was carried out using this technique to enhance the biological dosimetry service in Malaysia.




Foto 8.15 Contoh micronuclei-pecahan kromosom tidak bergabung dengan anak nuclei

Photo 8.15 Example of micronuclei-fragment of chromosome is not incorporated into daughter nuclei

### I) Radiolabel ikan haruan (*Channa striatus*)


Ikan haruan (*Channa striatus*) merupakan spesies ikan air tawar karnivor yang biasa ditemui di Malaysia. Ia dikatakan mempunyai nilai perubatan untuk menyembuhkan luka. Di samping itu juga, ia didapati mempunyai aktiviti anti-radang, anti-kulat dan anti-nosispetif. Untuk mengesahkan aktiviti anti-radang ekstrak *Channa striatus* (haruan) tersebut, satu teknik penglabelan dengan technetium-99m (Tc-99m) telah dibangunkan untuk membolehkan penggambaran lokasi inflamasi / keradangan menerusi kamera gamma.

### I) Radiolabelling of *Channa striatus* (haruan)

Haruan (*Channa striatus*) is a fresh water, air breathing, carnivorous fish indigenous to Malaysia. It has an ethno-pharmacology for wound healing. Furthermore, the haruan extract is also found to have anti-inflammatory, anti-fungal, anti-nociceptive properties among others. To validate the anti-inflammatory activity of *Channa striatus* (haruan) extract, a radiolabelling technique with technetium-99m (Tc-99m) was developed to enable its visualization via a gamma camera of its accumulation at inflamed sites.



(a)



(b)

Foto 8.16 (a) dan (b) imej kamera gamma mengenai inflamasi bahagian paha tikus yang diaruh oleh carrageenan dan menunjukkan Tc-99m yang telah dilabelkan sebagai Pati Haruan Tradisional (HTE).  
Photo 8.16 (a) and (b) The image of gamma camera that showing the mouse thigh inflammation induced by carrageenan and it shows that Tc-99m labelled as Haruan Traditional Extract (HTE).

### m) Biobaja Bioliquifert

Bioliquifert ialah biobaja cecair semulajadi pelbagai fungsi dan aplikasi. Ia mengandungi mikroorganisma yang menyalurkan nutrien utama melalui aktiviti pengikatan nitrogen, pelarutan fosfat dan potasium serta menggalak pertumbuhan pokok. Bioliquifert juga mesra persekitaran, ekonomik dan mudah digunakan. Baja ini boleh digunakan untuk pelbagai aplikasi pertanian seperti sistem fertigasi, penanaman padi menggunakan kaedah biasa atau aerobik serta penanaman sayuran. Produk ini telah dilancarkan secara rasmi oleh MOSTI pada 28 Ogos 2014.

### m) Bioliquifert biofertilizer

Bioliquifert is a natural, multifunction and multi-application liquid biofertilizer. It contains microorganisms that provide major nutrients through activities of nitrogen fixation, phosphate and potassium solubilisation and plant growth promotion. Bioliquifert is environmentally friendly, economic and easy to handle. This fertilizer is adaptable to various agricultural applications such as fertigation system, flooded and aerobic rice farming and vegetable crop cultivation. This product was officially launched by MOSTI on 28<sup>th</sup> August 2013.



Foto 8.17 Baja Bioliquifert yang sesuai untuk pelbagai jenis tanaman  
Photo 8.17 Bioliquifert fertilizer suitable for various plant types

#### n) Benih cecair cendawan

Sumber benih cecair cendawan telah dihasilkan daripada kultur tisu *mycelia* cendawan yang tumbuh aktif di atas kultur media pepejal. Sebahagian kecil *mycelia* ini diampai dalam larutan media nutrien yang steril dan dieram serta diperbanyakkan. Benih cecair matang mengandungi 4 hingga 6 mg/ml kandungan *mycelia* kering dan boleh digunakan terus oleh penanam cendawan. Satu botol berisipadu 200 ml boleh digunakan untuk inokulasi ke dalam 20 beg substrat cendawan.

#### n) Mushroom liquid seed

Mushroom liquid seed resource was produced from mushroom tissue culture mycelia that were actively grown on solid media culture. A small portion of mycelia were suspended in sterilized liquid nutrient media, incubated and multiplied. Mature liquid seeds contain between 4 to 6 mg/ml mycelia biomass on dry matter basis and ready to be used by mushroom growers. A bottle of 200 ml is suitable for inoculation into 20 bags of mushroom substrates.



(a)



(b)

Foto 8.18 Benih cecair cendawan yang sedia untuk digunakan oleh penanam (a) dan cendawan tiram segar (b)  
Photo 8.18 Mushroom liquid seed ready to be used by growers (a) and fresh oyster mushroom (b)

**o) Kaedah penyaringan varieti cendawan tiram tempatan menggunakan “Inter Simple Sequence Repeat (ISSR)” sebagai penanda molekul**


Tujuan utama kaedah ini ialah untuk menyaring pelbagai varieti cendawan tiram melalui teknik molekul yang dipanggil penanda *Inter Simple Sequence Repeat* (ISSR). Teknik ini membolehkan perbezaan pelbagai varieti cendawan tiram yang tidak dapat dikesan di peringkat fenotip, dapat dicirikan di peringkat molekul. Teknologi ini dapat membantu industri cendawan tempatan dalam mengawal dan memilih varieti terbaik untuk pengeluaran seterusnya mengurangkan import semasa cendawan.



(a)

**o) Method of screening local oyster mushroom using “Inter Simple Sequence Repeat (ISSR)” as molecular marker**

The objective of this method is to screen different oyster mushroom varieties by a molecular technique called *Inter Simple Sequence Repeat* (ISSR) marker technology. This technique is able to characterize the differences in oyster mushroom varieties at molecular level, which could not be distinguished by phenotypic observations. This technology would benefit the local mushroom industries; the industries would be able to control, used well characterized and high yielding varieties for production, thus reduce the current mushroom import deficit.



(b)

Foto 8.19 (a) Cendawan tiram dan (b) penyaringan varieti melalui teknik ISSR  
Photo 8.19 (a) Oyster mushroom (b) varietal screening using ISSR technique

**p) BiO-TIS (Pembiakan planlet kultur tisu)**

BIO-TIS ialah sistem bioreaktor pelbagai guna untuk pembiakan pelbagai spesies tumbuhan dengan hasil dan kualiti yang sesuai untuk pengeluaran komersil. Sistem ini berasaskan kepada prinsip penggunaan dwi-botol untuk bahan tanaman dan media pertumbuhan cecair, yang keduanya disambungkan melalui sejenis adaptor yang membolehkan pentaluran media ke bahan tumbuhan. BIO-TIS telah dioptimumkan untuk pelbagai jenis tanaman seperti nanas, pisang, orkid, kekwa, pegaga, sambung nyawa, tongkat ali, kacip Fatimah dan lain-lain. Antara kelebihan sistem ini ialah meningkatkan kadar pembiakan tumbuhan dan penghasilan biomas serta kualiti tanaman yang lebih baik pada kos yang lebih rendah.

**p) BIO-TIS (Mass propagation of tissue culture plantlets)**

BIO-TIS is an all-purpose bioreactor system for micropropagation of different plant species with high yield and quality for commercial production. It is based on the principle of using Twin-bottles for plant materials and liquid growth media, coupled together through a perforated adaptor piece that permits the flow of liquid media to plant materials. It has been optimized for a wide range of plant species including pineapples, banana, orchids, chrysanthemum, pegaga, sambung nyawa, tongkat ali, kacip fatimah and many more. Advantages of this system are higher plant multiplication rates and biomass production, better plant quality and lower cost.



Foto 8.20 Contoh kultur tisu yang dihasilkan oleh BIO TIS  
 Photo 8.20 Sample of tissue culture plantlets produced by BIO TIS

#### q) Penghasilan polisakarida melalui kaedah submerged culture fermentation

Polisakarida yang terhasil mempunyai potensi untuk digunakan dalam radioterapi terutamanya untuk produk nutrasiutikal dan farmasiutikal. Sifat *immunomodulation* pada polisakarida ini berupaya untuk merencatkan pertumbuhan sesetengah sel tumor pada manusia dan haiwan. Penghasilan bahan ini dalam *submerged culture fermentation* (SCF) mengurangkan masa fermentasi, sekaligus meningkatkan hasil bahan berbanding kaedah konvensional *solid state fermentation* (SSF).

#### q) Production of polysaccharides through submerged culture fermentation technique

The polysaccharides obtained from mushrooms have the potential to be used in radiotherapeutic applications in the forms of nutraceuticals or pharmaceutical products. Its immunomodulation property has the ability to inhibit the growth of certain tumor in animal and human. The production in submerged culture fermentation (SCF) reduces the fermentation time, thus generating higher yield compared to the conventional solid state fermentation (SSF).



Foto 8.21 Polisakarida yang terhasil melalui kaedah submerged culture fermentation (SCF)  
Photo 8.21 Polysaccharide obtained through submerged culture fermentation technique

**r) Prosedur penghasilan derivatif kanji sago karboksimetil dalam vessel reaktor berkapasiti 30L**

Prosedur penghasilan derivatif kanji sago karboksimetil melibatkan proses berikut: pengalkalian kanji sago dengan sodium hidroksida dalam media isopropanol, etherification dengan asid monokloroasetik, neutralisasi menggunakan asid asetik glacial dan penulenan dalam alkohol. Derivatif kanji sago karboksimetil pelbagai *Degree of Substitution* diperolehi dengan mengubah parameter tindak balas seperti kadar molar sodium hidroksida and asid monokloroasetik pada kanji sago, masa dan suhu. Parameter prosedur ditentukan untuk penghasilan dalam vessel reaktor berkapasiti 30 L.

**r) Procedure for producing carboxymethyl sago starch derivative in 30 L capacity reactor vessel**

The procedure for producing carboxymethyl sago starch derivative involves these processes; alkalization of sago starch with sodium hydroxide in isopropanol medium, etherification with monochloroacetic acid, neutralization with glacial acetic acid and purification with alcohol. Carboxymethyl sago starch derivative with various Degree of Substitution was achieved by modifying reaction parameter such as molar ratio of sodium hydroxide and monochloroacetic acid on sago starch, time and temperature. These parameters were determined for production in vessel reactor with a capacity of 30 L.



Foto 8.22 Prosedur penghasilan derivatif kanji sago karboksimetil  
Photo 8.22 Procedure for producing carboxymethyl sago starch derivative

### s) Vitrifikasi resin terpakai beradioaktif menggunakan relau suhu tinggi

Dalam industri nuklear, resin pertukaran ion adalah kaedah rawatan yang paling biasa dan berkesan untuk penyingkiran ion radioaktif dalam sistem pengurusan sisa cecair radioaktif. Pelupusan resin terpakai sering menjadi satu masalah ekonomi kerana isipadu pukal yang terhasil dan tidak banyak teknologi berkemampuan dari segi ekonomi yang mampu menstabilkan sisa ini. Kebiasaannya, resin terpakai disimpan di dalam tong sebelum dilupuskan. Larut lesap merupakan faktor utama yang perlu dipantau, yang boleh berlaku apabila air terkena sisa.

Di Malaysia, resin terpakai hanya disimpan, kerana tidak ada rawatan atau kemudahan pelupusan boleh didapati. Walau bagaimanapun, Relau Suhu Tinggi-dibuat khusus bagi tujuan vitrifikasi, menawarkan kaedah alternatif untuk melaksanakan proses vitrifikasi. Resin terpakai kini tidak bergerak (immobilized) dan sedia untuk dilupuskan. Proses vitrifikasi ini juga boleh diaplikasikan ke atas jenis sisa radioaktif yang lain.

### s) Vitrificated Radioactive Spent Resins Using High Temperature Furnace

In nuclear industry, ion exchange resins are the most common and effective treatment methods for removal of radioactive ion in liquid radioactive waste management system. Disposal of the spent resin often becomes an economic problem because of the bulky volumes produced and a few relatively technologies that are capable of economically stabilizing this waste. Mostly practice, the spent resins were stored in drums prior to disposal. Leaching is the main factor that should be monitored, which can occur when water contacts a waste forms.

In Malaysia, the spent resins are only stored, as no treatment or disposal facility is available. However, the High Temperature Furnace-made specifically for the vitrification purpose, offers an alternative method to conduct vitrification process. The spent resins now are immobilized and qualify for disposal. This vitrification process is also applicable to other types of radioactive waste.



Foto 8.23 Resin terpakai  
Photo 8.23 Spent Resin



Foto 8.24 Serbuk kaca cullet  
Photo 8.24 Glass Cullet Powder



Mangkuk pijar bersama resin terpakai dan serbuk kaca cullet  
Crucible with spent resin and glass cullet powder



Proses vitrifikasi pada suhu antara 700oC hingga 1000oC dengan menggunakan relau suhu tinggi  
Vitrification process at temperature within 700 oC to 1000oC by using High Temperature Furnace



Sanga – produk daripada proses vitrifikasi  
Slag – product from vitrification process

Foto 8.25 Aliran proses vitrifikasi resin terpakai bersama serbuk kaca cullet di dalam Relau Suhu Tinggi  
Photo 8.25 Process Flow of Vitrification of Spent Resin with Glass Cullet Powder in High Temperature Furnace

### 8.3 PERALATAN SAINTIFIK UTAMA

#### a) AB SCIEX Triple TOF 5600 + System

Sistem Triple TOF 5600 membolehkan kajian spektrometri jisim dijalankan dengan lebih berkesan untuk pelbagai aplikasi sains hayat, seperti onoclona, penemuan ubat, mengesan penanda biologi, dan membantu dalam memastikan keselamatan makanan dan analisis alam sekitar.




Foto 8.26 Sistem Triple TOF berkeupayaan melakukan spektrometer jisim beresolusi tinggi bagi analisa kualitatif dan kuantitatif

Photo 8.26 Triple TOF system is able to perform high-resolution mass spectrometer for qualitative and quantitative analysis.


#### b) Sistem Super Argus Bio PET / CT (Pertama di Malaysia)

Sistem PET/CT, yang pertama di Malaysia menyediakan pengimejan bukan invasif haiwan kecil. Gabungan PET untuk menggambarkan proses biologi dan keupayaan CT untuk memberi maklumat anatomi dapat meningkatkan sensitiviti dan spesifisiti yang diperolehi dari imbasan. Penggunaan utama sistem PET-CT adalah dalam pembangunan dan pengesahan ligan baru tomografi pancaran positron yang boleh digunakan untuk mengesan tumor, mendiagnos penyakit kardiovaskular dan autoimun atau untuk mengkaji laluan metabolik.

### 8.3 MAIN SCIENTIFIC APPARATUS

#### a) AB SCIEX Triple TOF 5600 + System

The Triple TOF 5600 System is designed to enable new and better ways to conduct mass spectrometry experiments for a broad range of life science applications, such as proteomics, discovering new drugs, detecting biomarkers, and aiding in food safety and environmental analysis.



#### b) Super Argus Bio PET/CT system (First in Malaysia)

This PET/CT system, the first of its kind in Malaysia, provides non-invasive in vivo imaging of small animals. The combination of PET to visualize biological processes and the anatomical capabilities of CT improves the overall sensitivity and specificity of information obtained from a single scan. The primary use for the PET-CT system is in the development and validation of novel radiolabeled positron-emitting ligands, which can be used for tumor detection, diagnosis of cardiovascular and autoimmune disease or for establishing metabolic pathways.



Foto 8.27 PET/CT Haiwan Kecil untuk pengimejan in vivo anatomi dan fungsi haiwan-haiwan kecil

Photo 8.27 Small animal PET/CT for anatomical and functional in vivo imaging of small animals

### c) ImageXpress Micro XL dan Metapress 5.1 High Content Screening System

Sistem High Content Screening menggunakan sistem mikroskop automatik, beresolusi tinggi untuk menilai morfologi serta pelbagai parameter biokimia dalam sistem bersel. Dengan menggunakan cahaya pendafluor, cahaya terhantar, dan mod fasa kontras sistem ini dapat melakukan pengimejan sel hidup mahupun yang sudah diawet. Dalam penyelidikan biologi atau pembangunan ubat, penggunaan *High Content Screening* dapat mengenalpasti secara kuantitatif perubahan morfologi sel yang disebabkan oleh molekul kecil seperti RNAi dan kompon dadah. Proses sel seperti apoptosis, kitaran sel, micronuclei, angiogenesis, translokasi intrasel, endositosis, pengisyratan sel, dan '*multi-wavelength cell scoring*' juga boleh dikaji dengan menggunakan sistem ini.

### c) ImageXpress Micro XL and Metapress 5.1 High Content Screening System

The high content screening system utilizes automated, high-resolution microscopy systems to evaluate multiple biochemical and morphological parameters in cellular systems. The system can perform automated cellular imaging in fluorescent, transmitted light, and phase-contrast modes for fixed- or live-cell assays. In biological research or drug development, high content screening can rapidly identify how small molecules, such as RNAi and drug compounds, affect cell morphology in a quantitative, high throughput manner. Cellular processes such as apoptosis, cell cycle, micronuclei, angiogenesis, intracellular translocation, endocytosis, cell onoclonal, and multi-wavelength cell scoring can also be evaluated using this system.



Foto 8.28 High content screening sistem untuk pengimejan sel secara automatik dan kuantitatif serta analisis

Photo 8.28 High content screening system provide automated and quantitative cellular imaging and analysis

**d) Pembaca Plat Mod**

Pembaca plat mod membaca biosensor optik label bebas, keamatan pendarfluor, kuantiti, luminescence ultra-sensitif dan teknologi Alpha dipatenkan di microplates sehingga 384-telaga.

**d) Multimode Plate Reader**

The multimode plate reader reads optical biosensor label-free, fluorescence intensity, absorbance, ultra-sensitive luminescence and patented Alpha technologies in microplates up to 384-wells.




Foto 8.29 Pembaca Plat Mod reader menawarkan pelbagai mod pengesanan- UV bagi penyerapan, pendafluoran dan luminescence untuk pelbagai aplikasi

Photo 8.29 Multi-mode plate reader offering multiple detection modes – UV-vis absorbance, fluorescence and luminescence for various applications

**e) Sistem Histologi**

Sistem ini terdiri daripada mikrotom, sistem pembenaman tisu, penstainan dan peralatan pemprosesan tisu. Ia digunakan untuk menyediakan slaid untuk mengkaji anatomi mikroskopik sel-sel dan tisu-tisu tumbuhan dan haiwan.

**e) Histology System**

The system consists of a microtome, tissue embedding system, staining and tissue processing equipment. It is used to prepare slides for studying microscopic anatomy of cells and tissues of plants and animals.



Foto 8.30 Histology system Microtome (kiri) dan sistem penerapan tisu; (kanan) – Units untuk pewarnaan dan pemprosesan tisu

Photo 8.30 Histology system Microtome (left) and tissue embedding system; (right) – Units for staining and tissue processing

### f) Bioreaktor WAVE

Bioreaktor WAVE digunakan dengan secara meluas dalam bidang pengkulturan sel kerana ianya menggunakan teknologi pakai buang, dan amat mudah digunakan. Sistem ini terdiri daripada beg sel pakai buang yang fleksibel dan steril yang mana terletak di atas sebuah platform penggoncang terma. Sistem bioreaktor ini boleh digunakan untuk penghasilan antibodi monoklonal, virus serta sel-sel serangga.

### f) WAVE Bioreactor

The WAVE bioreactor is widely used in cell culture due to the benefits of disposable technology and ease of use. The system consists of a flexible disposable cellbag and sterile that sits on a rocking thermo-platform. Amongst its application are for the bulk production of monoclonal antibody, viruses as well as insect cells.



Foto 8.31 Sistem Bioreaktor WAVE penggunaan tunggal bagi aplikasi kultur sel

Photo 8.31 Single use wave-type bioreactor system for cell culture applications

### g) Sistem zebrafish

Dengan menggunakan pelbagai teknik molekular dan genetik, sistem *zebrafish* telah berjaya dibangunkan sebagai satu sistem pemodelan penyakit. Memandangkan *zebrafish* mempunyai sifat genetik, morfologi, dan fisiologi yang hampir sama dengan manusia, ia menjadi model pilihan untuk digunakan dalam penemuan dan penilaian dadah baru yang berpotensi.

### g) Zebrafish System

Zebrafish has developed into a powerful system to model vertebrate disease and development using various molecular and genetic tools. Given its much closer genetic, morphological, and physiological relationship to humans, it is becoming the model of choice to discover and assess new potential drug leads.



Foto 8.32 Sistem Zebrafish untuk pemodelan penyakit-penyakit manusia bagi mengenalpasti potensi terapeutik baru

Photo 8.32 Zebrafish system to model human diseases for identification of potential new therapeutics

### h) Loji Perintis bagi Perumusan dan Pengeluaran Produk Herba

Loji ini akan digunakan untuk memproses herba untuk dijadikan formulasi ke dalam produk perubatan digubal dan terlibat dalam proses pembangunan dan skala-up proses makmal ke atas loji perintis.

### h) Pilot Plant for Herbal Product Formulation and Production

The plant is established to process herbs into formulated medicinal products and is engaged in process development and scale-up of laboratory processes on pilot plant.



Foto 8. 33

- (a)Mesin pembilang dan pelabelan tablet separa automatik
- (b) Mesin penyalut tablet,
- (c) Mesin pengasingan kumin
- (d) Pengadun kumin berkelajuan tinggi

Photo 8.33

- (a)Semi automatic tablet counting and labelling machine
- (b) Tablet coating machine,
- (c) Granule sorting machine (d) High speed granule mixer

# 9 PEMINDAHAN TEKNOLOGI dan PENGKOMERSILAN TECHNOLOGY TRANSFER and COMMERCIALIZATION



## 9. PEMINDAHAN TEKNOLOGI DAN PENGKOMERSILAN

### 9.1 JALINAN KERJASAMA DAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI

#### 9.1.1 Perjanjian Kerahsiaan (NDA)

Nuklear Malaysia telah menandatangani Perjanjian Kerahsiaan dengan pihak syarikat yang berhasrat untuk mengkomersilkan teknologi nuklear di pasaran tempatan dan antarabangsa. Sebanyak 18 Perjanjian Kerahsiaan telah ditandatangani pada 2013.

## 9. TECHNOLOGY TRANSFER AND COMMERCIALIZATION

### 9.1 TECHNOLOGY TRANSFER AND COLLABORATION NETWORK

#### 9.1.1 Non-disclosure Agreement (NDA)

